

21/10/2001

Tekanan mental di kalangan pembangkang

Syed Akbar Ali

BERITA Straits Times Singapura, 18 Oktober lalu dilaporkan memetik kenyataan Datuk Nik Aziz bahawa haram bagi kakitangan kerajaan menerima gaji kerajaan kerana duit gaji itu ada unsur riba.

Ini adalah satu lagi tuduhan melulu Nik Aziz tanpa bukti jelas yang merunsingkan pemimpin parti Pas yang lain. Kerajaan mendapat kebanyakan duit perbelanjaannya daripada kutipan cukai, hasil keluaran negara dan hasil kutipan cukai import. Cukai dan duti import ini menjadi sebahagian besar daripada sumber kewangan kerajaan untuk membayar gaji kakitangan kerajaan.

Maksud firman Allah: "Katakanlah; Adakah kamu fikirkan mengenai apa yang Allah menurunkan kepadamu daripada rezeki, lalu kamu jadikan sebahagian daripadanya haram dan (sebahagian) halal? Katakanlah; Adakah Allah mengizinkan demikian kepada kamu atau kamu hanya mengada-adakan dusta terhadap Allah." - (Surah 10:59).

Jika Nik Aziz yakin dengan kenyataannya, beliau sendiri perlu menunjukkan uswah yang baik dan menolak penerimaan gaji bulanan Menteri Besar yang dibayar daripada duit kerajaan juga.

Bukan setakat itu saja tetapi semua wakil rakyat Pas terutama sekali Ahli Parlimen dan ADUN patut diberhentikan bayaran gaji bulanan mereka supaya wakil rakyat Pas menjadi contoh yang baik sebagai manusia yang tidak mahu lagi mengambil gaji yang dikatakan haram oleh Nik Aziz itu.

Sebelum ini, kononnya untuk menunjukkan uswah yang baik sebagai Menteri Besar, Nik Aziz tidak mahu duduk di rumah besar kediaman rasmi Menteri Besar. Beliau memilih untuk duduk di rumahnya sendiri. Tetapi penyokongnya tidak sedar bahawa seorang Menteri Besar yang tidak duduk di kediaman rasmi berhak menerima elaun sewa rumah yang lumayan beberapa ribu ringgit sebulan.

Sudah tentu Nik Aziz faham saranan Allah yang berikut juga: "Wahai orang yang beriman, mengapa kamu katakan apa yang kamu tidak mengerjakan. Amat benci di sisi Allah bahawa kamu katakan apa yang kamu tidak mengerjakan." - (Surah 61:2-3).

Maksudnya jangan cakap tak serupa bikin. Nik Aziz pernah berkata tidak ada kes rogol di Kelantan. Kemudian Nik Aziz berkata, beliau terlupa menyebut kes rogol di Kelantan sebenarnya berkurangan.

Beginilah kaliber pimpinan Pas yang mengharapakan untuk menerajui pimpinan negara kita. Tidak hairanlah sebelum 22 bulan selepas pilihan raya umum 1999, pakatan pembangkang sudah berkecai. Parti pembangkang kembali menunjukkan belang masing-masing. Mereka kembali menjadi bankrap tanpa membawa idea baru. Mereka kembali menunggu nasib dan menunggu sebarang kenyataan kerajaan supaya boleh mengkritiknya. Jika tiada perkara baru timbul, mereka pun duduk diam saja. Apabila air pasang mereka mara ke hulu dan apabila air surut mereka hanyut ke hilir.

Kemouflisan mereka makin ketara. Contohnya, tembelang Pas pecah lagi apabila parti itu gagal memberi penjelasan mengenai negara teokratik yang mereka janjikan selama ini. Penyokong Pas sekarang tertanya-tanya apakah sebabnya parti mereka perlu mengelak daripada menjelaskan negara keagamaan mereka.

Untuk menutup kegagalan ini, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor meminta Dr Mahathir mengisytihar Malaysia sebagai sebuah negara Islam di persidangan Parlimen. Reaksi seperti ini menunjukkan kemantapan intelektual Pas yang masih kosong.

Fadzil terlupa Perlembagaan Malaysia yang didokong Parlimen sudah meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara. Peruntukan ini juga yang membenarkan pembinaan beribu-ribu masjid dan surau yang sekarang dicemari muslihat Pas untuk tujuan memecahbelahkan umat.

Selama 44 tahun Fadzil tidak pernah membantah Islam sebagai agama rasmi negara. Dan selepas 44 tahun Pas masih tidak mempunyai sebarang idea apakah bentuk negara teokratik yang mereka khayalkan itu. Mereka sebenarnya membohongi penyokong mereka.

Sebahagian pemimpin Pas yang lain sedar kelemahan mereka ini dan juga kesilapan Fadzil. Oleh itu mereka sudah menggesa parti itu menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyiapkan memorandum untuk menjawab cabaran Dr Mahathir. Penyokong Pas makin terharu apakah sebabnya sesudah berbuih mulut melaungkan negara teokratik mereka, Pas baru hendak menubuhkan jawatankuasa dan hanya untuk menyiapkan memorandum saja?

Malangnya jawatankuasa ini masih belum mencapai kata sepakat untuk mengatasi kekaburan yang menghantui Pas mengenai negara teokratik mereka. Memorandum pun belum siap. Dan walaupun menjadi Mursyidul Am Pas, Nik Aziz tidak menganggotai jawatankuasa khas ini. Untuk menutup kegagalan ini pula Pas menggunakan alasan akan membuat perbandingan antara sebahagian daripada sistem pemerintahan kita sekarang yang mereka tidak setuju dengan konsep mereka yang belum jelas itu.

Bekas rakan Pas, Lim Kit Siang pula makin kurang sabar dengan helah Pas. Walaupun hanya memorandum, Lim mencabar Pas jangan melenghakkannya lagi. Mungkin Lim ingin bertanya macam mana kedai nombor ekor dan arak masih dibenarkan di Kelantan dan Terengganu?

Pas sudah menyokong penuh ahli parti itu atau sesiapa pun pergi berjihad di Afghanistan. Oleh itu tidak salah jika Pas menjelaskan perbezaan antara sistem pemerintahan teokratik di Afghanistan, Arab Saudi, Pakistan, Sudan, Iran dan negara lain dengan konsep mereka sendiri supaya pengikut Pas tidak terkeliru jihad mereka. Dan Pas perlu menjelaskan kelebihan konsep mereka berbanding dengan Taliban, Iran dan yang lain.

Begitu juga seruan Pas untuk berjihad menentang Amerika Syarikat adalah helah politik belaka. Apabila Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamad membuat cadangan pemimpin Pas menunjukkan uswah yang baik dan melangkah dulu berjihad di Afghanistan, rentak jihad Pas bertukar dengan serta merta menjadi jihad berdoa, jihad sokongan moral dan jihad yang lain.

Laungan jihad Pas sebenarnya mencari udang di sebalik batu. Selepas polis mengambil tindakan tegas mencegah ceramah haram Pas, parti itu turut kerugian kerana tidak dapat mengutip derma jihad. Ini juga menjadi sebabnya Fadzil meminta berjumpa segera dengan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Beliau hendak permit ceramah supaya kutipan derma jihad Pas tidak tergendala. Untuk mengatasi kemelesetan ekonomi jihad ini, Nik Aziz pula mengambil kesempatan berkata menderma wang ke dalam uncang Pas adalah sebahagian daripada jihad Afghanistan juga. Krisis Afghanistan pun boleh jadi sumber mengutip wang.

Sebelum ini janda dan anak yatim Memali mendakwa mereka tidak tahu jumlah derma yang dikutip atas nama mereka kerana mereka tidak menerima apa pun. Bagaimanakah orang Afghanistan akan tahu jumlah wang yang dikutip atas nama mereka?

Datuk Seri Hadi Awang dalam amanatnya menyeru ahli Pas dan orang lain supaya rela mati syahid untuk menegakkan agama mereka. Sepertimana boleh disangka, sehingga hari ini Hadi sendiri belum mati syahid lagi. Makin lama Hadi makin sihat orangnya. Dalam amanatnya Hadi juga berkata menderma wang itu adalah jihad juga. Maka mesej Pas kepada penyokongnya amat mudah. Penyokong Pas mesti keluar dulu untuk berjihad dan rela mati syahid. Tetapi sebelum itu, elok juga mereka masukkan wang jihad dalam uncang Pas.

Gelagat Pas ini patut menjadi bahan lucu. Mereka tidak serius untuk

membawa kebaikan dan pembangunan kepada umat Islam. Sesudah berpura-pura membela nasib Anwar Ibrahim selama dua tahun ini, Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar berkata Anwar menghadapi gangguan mental kerana perbuatan Anwar menulis sepucuk surat kepada sebuah majalah kepunyaan Yahudi yang menyokong Amerika Syarikat dan juga mengkritik Osama bin Laden.

Ataupun kalau bukan gangguan mental, mengikut Mahfuz, surat kepada majalah Time itu adalah palsu. Apakah sebabnya Mahfuz tidak nampak gangguan mental ketika Anwar berpeluk-pelukan dengan pemimpin Yahudi seperti Bill Cohen dan Wolfensohn?

Keadilan dan PRM pula, iaitu dua rakan jihad Pas, memberi sokongan penuh kepada surat Anwar itu. Apakah ini bermaksud mereka juga menghadapi gangguan mental? Jika begitu, tidakkah gangguan mental ini boleh berjangkit kepada Pas kerana Pas masih bersekongkol dengan mereka?

Sudah tentu pelbagai tekanan mental selama dua tahun ini menyebabkan Naib Presiden Keadilan, Chandra Muzaffar dan Ketua Pemuda, Hamdan Taha menarik diri daripada jawatan mereka dalam parti itu.

Sebelum itu Marina Yusof, seorang pemimpin barisan depan Keadilan juga menyerah kalah kerana tidak tahan tekanan mental dalam parti itu. Tekanan mental juga memaksa DAP menarik diri daripada pakatan pembangkang yang menyebabkan pakatan itu menjadi hancur. Rupanya semua puak yang pernah berurusan dengan Pas selama dua tahun ini akhirnya dijangkit gangguan atau tekanan mental.

Gabungan Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) juga tidak menjadi. Ramai penyokong Keadilan tidak setuju identiti atau nama parti mereka ditukar untuk tujuan gabungan itu. Keadilan berjaya memenangi kerusi Parlimen dan DUN tanpa bantuan PRM. PRM pula tidak pernah menang sebarang kerusi Parlimen atau DUN selama lebih dua puluh tahun. Kini parti itu hanya mempunyai beberapa puluh ahli yang masih aktivis.

Kedadaan yang sebenarnya ialah PRM mengemis bantuan dan belas kasihan Keadilan kerana parti itu sudah tidak relevan lagi. Walaupun demikian PRM masih meletakkan syarat Keadilan perlu meminda perlembagaan mereka dulu sebelum PRM boleh bergabung dengan Keadilan.

Sandiwara yang sedang dilakonkan sekarang ialah konspirasi puak tertentu dalam Keadilan untuk mengatasi puak lain dalam parti itu pada pilihan parti tidak lama lagi. Antara puak bekas Umno, bekas NGO dan bekas belia Islam puak NGO seperti Chandra dan Zainur Zakaria sudah lenyap secara senyap.

Chandra misalnya mendapati hanya 40 bahagian daripada 120 jumlah bahagian parti itu rela mencalonkan namanya sebagai Timbalan Presiden parti. Beliau menerima saingan hebat daripada calon lain termasuk Mohamed Azmin Ali. Oleh itu elok juga kalau beliau berundur sekarang dan mengelak daripada menanggung malu yang besar kemudian.

Puak yang dominan sekarang dalam Keadilan ialah puak belia Islam yang bercita-cita tinggi untuk menguasai parti itu dalam pilihan parti bulan depan. Puak ini juga tidak senangi gabungan kerjasama dengan PRM kerana PRM dilihat sebagai parti bukan Islam yang pernah memperjuangkan falsafah sosialisme. Sosialisme pula adalah satu falsafah yang juga diminati pemikir aties. Kemungkinannya paling besar puak belia Islam ini akan menjuarai Keadilan. Sekiranya perkara ini berlaku, maka cadangan gabungan antara Keadilan dan PRM akan lenyap juga. Pemerhati politik berpendapat sekiranya puak belia Islam menawan pimpinan Keadilan, terutama sekali pada peringkat bahagiannya maka mereka akan cuba menaikkan parti itu sebagai parti teokratik alternatif untuk bersaing ataupun melawan pengaruh Pas.

Tetapi jauh sebelum itu, mereka perlu menyelesaikan kedudukan Dr Wan Azizah sebagai Presiden parti kerana jarang sekali puak agama boleh menerima wanita sebagai pemimpin mereka. Kedudukan pemimpin yang lain yang tidak seangkatan dengan belia Islam dahulu akan juga terganggu dalam jangka

panjangnya. Itulah keadaan parti pembangkang sekarang.

Perkara pokok yang tidak membenarkan parti pembangkang menjalin kerjasama yang kukuh ialah perbezaan perjuangan dan perbezaan falsafah politik. Sebagai perbandingannya Umno perjuangan orang Melayu, perjuangan agama dan perjuangan kebangsaan negara Malaysia. Ini kerana Umno sebuah parti orang Melayu yang memikul tanggungjawab yang luas.

Tanggungjawab yang amat besar ini bukan rancangan Umno semata-mata tetapi kesan daripada gabungan aspirasi orang Melayu sendiri. Umno tidak memilih perjuangan Melayu. Perjuangan Melayu yang memilih Umno. Umno akan terus relevan kerana Umno adalah bahtera yang menyelamatkan politik, ekonomi, agama dan sosial umat Melayu.

Walaupun perjuangan Umno belum selesai dan banyak lagi perubahan dan kemajuan yang boleh dicapai, Umno kekal sebagai pentas utama bagi orang Melayu mempertuankan hak mereka. Dalam memikul tanggungjawab yang berat ini Umno tidak mengabaikan hak rakyat Malaysia daripada kaum lain.

Oleh itu Umno juga diberi kepercayaan oleh majoriti kaum lain dalam negara kita untuk terus menerajui kerajaan negara. Maka pembentukan bangsa Malaysia juga menjadi tanggungjawab Umno.

Walaupun rupanya Umno monopolikan politik Melayu, parti lain dalam negara kita tidak dihalang daripada memecahkan monopoli Umno ini. Sesiapa pun berhak memperjuangkan agenda yang luas dan baik seperti Umno. Tetapi setakat ini tidak ada sebarang parti boleh berjaya seperti Umno.

Satu lagi contoh yang mahkotakan Umno sebagai parti perjuangan umat Melayu ialah semangat untuk menyatupadukan umat Melayu yang menjadi tiang seri Umno. Dan ini adalah amalan Islam yang sungguh cantik.

Apabila Parti Melayu Semangat 46 ditubuhkan untuk menentang Umno, Umno pun terpaksa melawan parti itu sebagai lawan dalam arena politik. Tetapi apabila Parti Melayu Semangat 46 memilih untuk bersatu semula, Umno membuka semua pintu dan ruang untuk mereka kembali ke dalam parti.

Hakikatnya pada hari ini, barisan pemimpin pelapis yang paling senior untuk menerajui perjuangan parti terdiri daripada bekas penyokong Parti Melayu Semangat 46.

Begitu juga tidak mustahil sekarang jika ahli Keadilan seperti Ruslan Kassim, Saifuddin Nasution dan Hamdan Taha memilih untuk menyertai semula Umno. Selagi mereka ikhlas untuk memperjuangkan hak orang Melayu melalui parti, sudah tentu Umno akan menyediakan tempat yang sesuai bagi mereka.

Tidak guna bagi mereka membazirkan masa dengan usaha yang salah dan tersilap. Perjuangan Umno ialah perjuangan orang Melayu. Perjuangan ini belum selesai lagi. Lebih cepat tenaga muda Melayu bersatu untuk berganding bahu, maka begitu cepatlah bangsa Melayu akan berlangkah maju.

(END)